

Ramai putera puteri Eropah kini terpicat dengan kesenian ini

Silat dapat semai kembali kemanusiaan pada generasi muda

Laporan
Ismah Hafid
Gambar David Khoo

PENCEK silat warisan Melayu, kini tersebar luas seluruh dunia. Negara-negara Eropah yang pernah menjadi penjajah Nusantara turut mempelajari seni mempertahankan diri yang menjadi warisan bangsa sejak zaman berzaman itu.

Pencak silat bukan sahaja dapat menarik minat pesilat-pesilat putera bangsa Eropah, malahan puteri-puterinya turut terpicat dengan 'kelembutan' dan kesenian membela diri rumpun Melayu ini.

Marisel Reyes, 26, pesilat puteri dari Perancis yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Silat Sedunia kali keempat di Kuala Lumpur baru-baru ini, menyatakan, pencak silat mempunyai ciri-ciri unik yang mengagumkan.

"Pencak silat diperkenalkan kepada saya, ketika saya sedang mencari-cari satu pegangan hidup. Ketika itu, hidup saya terasa ada kekurangan.

"Sehinggalah dua tahun lalu, seorang ulama, Tuan Muhammad Raban datang berkunjung ke rumah dan menunjukkan pencak silat yang begitu lembut dan teratur langkahnya.

"Saya terus jatuh cinta dan merasakan saya sudah bertemu dengan 'se-

suatu' yang dicari selama hidup ini," kata Marisel.

Menurut Marisel, dia banyak mempelajari mengenai penghidupan melalui pencak silat. Langkah, seni dan tari silat yang lembut banyak mempengaruhi cara kehidupan Marisel sekarang.

"Melalui pencak silat, saya belajar erti kesabaran dan kawalan diri.

Menurut Marisel, Tuan Muhammad banyak memperkatakan soal Islam dan kebajikan. Kebanyakan orang Eropah sukar untuk mempercayai wujudnya unsur-unsur kebatinan, tetapi tidak dengan Marisel.

17. DEC 1987
Cabaran

"Saya percaya kepada kewujudannya dan yang paling penting saya akan berusaha untuk mempelajarinya.

"Saya sedar ini bukanlah suatu perkara yang mudah, tetapi kesabaran selalu mengatasi sesuatu," kata Marisel.

Pesilat ini sanggup berhenti bekerja sebagai seorang pengarah seni di sebuah agensi pengiklanan di Paris.

"Untuk apa mengejar sesuatu yang tidak akan memuaskan hati kita. Saya akan ke Indonesia selama lima bulan bukan saja untuk mendalami ilmu persilatan, bahkan juga agama Islam.

"Saya sedar akan menerima banyak cabaran dan

rintangan dalam usaha untuk mencari kebenaran. Saya bersedih diri kepada takdir," kata Marisel.

Lain pula dengan peserta Amerika Syarikat, Barbara Barnes, 31. Dia mempelajari pencak silat untuk menambah pengetahuannya mengenai seni mempertahankan diri yang banyak terdapat di Amerika.

B. Barnes (M)
Taktik

"Berbeza dengan seni mempertahankan diri yang lain, pencak silat adalah gabungan seni dan cara bela diri yang paling mantap. Silat adalah unik dan halus.

Pesilat yang mengamalkan Pencak Silat Mande Muda ini, mula meminati silat sejak setahun lalu.

"Walaupun, saya banyak mempelajari seni mempertahankan diri yang lain, tetapi dari gabungan kesemua teknik dan taktik, saya memperolehi satu seni bela diri yang mantap.

BERGERAKLAH seni mengorak langkah. Dinamakan silat pusaka bangsa; Apabila dicucuk seolah-olah melatah, Berhadapan musuh tak mudah menyerah.

"Pencak silat adalah gabungan semua bidang, baik dari segi mempertahankan diri hingga kepada kawalan diri dan mental. Siapa yang ingin mengamalkan pencak silat harus kuat pegangan dan tidak mudah putus asa," kata Barbara.

Barbara yang telah berumahtangga ini menyatakan, bagi seorang wanita, mempelajari seni mempertahankan diri tidak bermakna mereka ingin mengatasi kekuatan lelaki.

"Seni bela diri dipelajari untuk pengetahuan dan peralihan menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku dalam kehidupan harian," kata Barbara.

Manakala pesilat wanita tunggal dari Jerman Barat, Neike Dietrich menyatakan, silat kini menjadi sebahagian daripada hidupnya.

17 DEC 1987
Gelaran

"Saya mula meminati pencak silat sejak berumur 16 tahun. Pada mulanya saya menyangka silat ini seperti kung fu, sehinggalah jurulatih saya sekarang (Octaf D. Setiaji) memperkenalkan saya ke-

pada dunia persilatan pada tahun 1983," kata Heike.

Puteri silat Jerman ini adalah juara bahagian pertandingan seni dalam Kejuaraan Dunia di Vienna tahun lalu, tetapi dia gagal mempertahankan gelaran itu dalam kejohanan kali ini.

B. Harian (M)

"Pencak silat tidak menghilangkan kewani-taan saya. Malahan setela-h mengenali dan mempe-lajari pencak silat saya boleh mengawal diri dan tingkah laku."

Bagi Evalyn dari Jer-man Barat, keinginan yang tinggi untuk mempe-lajari dan mendalami ilmu persilatan, membuatkan dia dengan rela meletak ja-watannya sebagai seorang guru dan berhijrah ke In-donesia.

Sungguhpun tinda-kan-nya itu mendapat ten-tangan keluarga, tetapi se-telah menemui apa yang dicarinya selama ini, la-rangan keras itu tidak dihi-raukan.

"Saya mula jatuh cinta dengan silat ketika mereka mengadakan pertunjukan di Jerman. Jelas ia mem-punyai keunikan tersendiri," kata Evalyn.

Pesilat yang telah empat tahun membabitkan diri dengan Persatuan Gerak Badan Bangau Putih, Bo-gor, ini, menyatakan ma-sih banyak yang perlu diperdalamnya sebelum dia mengajar silat di nega-ranya nanti.

Evalyn yang hadir mem-buat pertunjukan persem-bahan dalam kejuaraan yang berakhir baru-baru ini memberitahu, pencak silat warisan Melayu ini boleh berkembang ke selu-ruh pelosok dunia, jika pengamal-pengamalnya berusaha menjelajah dan membuat pertunjukan bagi menarik minat teru-tama penduduk-penduduk Eropah.

17 DEC 1987
Hasrat

Pesilat ini menambah, "Silat juga adalah jamba-tan perhubungan yang bo-leh menyatukan masyara-kat yang lebih bermoral, berdisiplin dan menghormati orang tua.

"Sejak mempelajari silat kehidupan saya lebih ten-gang dan teratur," kata Evalyn.

Seperti Mariel, Evalyn turut berminat untuk mempelajari agama Islam.

"Saya kini menuntut di Institut Agama Islam In-donesia. Memang ada hasrat untuk memeluk agama suci ini, tetapi bu-kan sekarang."

Kebanyakan pesilat Ero-pah yang ditemui membe-ritahu, pencak silat adalah seni mempertahankan diri yang unik dan mempunyai kelebihan dibandingkan dengan seni bela diri yang lain.

Melalui pencak silat, me-reka bukan sahaja mempe-rolehi cara membela diri yang terbaik, malahan ke-sedaran dan ciri-ciri kema-nusiaan tradisional turut disemai.

Menurut pengurus pasu-kan Australia, Jan De Jong, dalam kehidupan masyarakat sekarang ma-kin kurang nilai-nilai ke-manusiaan.

"Agama bukan lagi men-jadi satu pegangan yang kukuh. Kemanusiaan dilu-pakan dan nilai-nilai tradi-sional seperti menghorma-ti orang tua semakin lupalu.

"Tetapi melalui pencak silat, yang diseberkan te-rutama kepada orang-orang Eropah, nilai-nilai ini dapat disema kembali. Ciri-ciri kemanusiaan ini penting kepada generasi akan datang yang semakin berkembang dan terlalu mengikut hawa nafsu," kata De Jong.